



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

### **PENAHANAN PEGAWAI JKKP NEGERI JOHOR OLEH SPRM KERANA DISYAKI TERLIBAT DALAM ISU RASUAH**

PUTRAJAYA, 1 November – Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengambil maklum dan memandang serius terhadap isu penahanan pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (JKKP) Negeri Johor oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat dalam rasuah. Walaupun isu yang berlaku ini adalah kes yang terpencil, pihak KSM akan memastikan setiap pegawai Jabatan dan Agensi di bawah KSM mematuhi dan menjalankan penguatkuasaan dengan berintergriti.

KSM telah menjalankan pelbagai program bagi meningkatkan intergriti pegawai di antaranya dengan mengadakan ceramah dan taklimat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM). Selain itu, KSM juga bekerjasama dengan SPRM untuk menjalankan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di kalangan pegawai di Jabatan dan Agensi di bawah KSM. Tambahan, KSM telah menggunakan konsep Pengurusan Risiko Rasuah (Corruption Risk Management) ke dalam Prosidur Kerja (Standard Operating Procedure) aktiviti penguatkuasaan dan pemeriksaan Jabatan dan Agensi.

Antara inisiatif dilakukan di bawah konsep Pengurusan Risiko Rasuah adalah dengan mengeluarkan surat pekeliling kepada pegawai berkenaan “*No Gift Policy*”, pusingan kerja pegawai selain pemeriksaan dan penguatkuasaan perlu dijalankan secara berpasangan. Ini adalah bagi mengelakkan wujudnya ruang dan peluang berlakunya unsur rasuah dalam aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan.

Pihak KSM juga komited dan akan sentiasa bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat bagi menambahbaik prosidur sediaada dan juga demi menjaga integriti dan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

**###**

**Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Manusia  
1 November 2017**